

# Haram iklan makanan segera bukan

B.H 24/2/07 M/S 10



E-mel: [saidon@bharian.com.my](mailto:saidon@bharian.com.my)

**S**EJAK seminggu lalu, antara isu yang hangat diperbincangkan ialah mengenai makanan segera. Ia susulan laporan yang mendakwa bahawa ia menjadi penyebab kepada meningkatnya pelbagai penyakit kronik berikutan kandungan makanan jenis itu dikatakan tinggi dengan lemak tepu, gula, garam dan bahan kimia.

Bagi mengekang amalan memakan ma-

kanan berkenaan di kalangan rakyat negara ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek dilaporkan mengemukakan cadangan kepada Kabinet untuk mengharamkan iklan makanan itu di media massa.

Beberapa pihak meyokong cadangan Dr Chua itu, termasuk Kementerian Penerangan yang dilaporkan bersetuju menghentikan serta-merta penyiaran iklan makanan itu di Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Niat di sebalik cadangan itu sangat dialu-alukan, namun ia mungkin perlu dikaji secara menyeluruh sebelum dilaksanakan.

Perkara pertama yang perlu dikaji ialah sama ada benar kecenderungan orang ramai memakan makanan segera adalah

berpunca daripada iklan agresif syarikat terbabit.

Tidak dinafikan iklan memainkan peranan penting dalam usaha mempromosikan produk atau perkhidmatan, tetapi jika kita mengambil restoran makanan segera sebagai contoh, ramai mungkin bersetuju bahawa antara faktor mengapa ia menjadi tumpuan adalah kerana ruang persekitaran.

Boleh dikatakan semua restoran makanan segera turut menyediakan persekitaran bersih, dingin dan menceriaikan. Harga makanan dihidangkan pula berpatutan.

Bagi restoran menghidangkan makanan biasa, persekitaran sedemikian hanya dapat diperolehi jika kita mampu membayar berkali ganda lebih tinggi.

# penyelesaian

Satu lagi faktor menyebabkan masyarakat ketika ini lebih bertumpu kepada makanan segera ialah masa. Corak kehidupan masyarakat kita, terutama di bandar besar kini sudah jauh berubah. Majoriti ibu berkerja dan ramai yang akan tiba di rumah hanya selepas matahari terbenam.

Justeru kerana kesuntukan masa, ramai memilih makanan segera sebagai hidangan.

Berdasarkan faktor itu, langkah mengharamkan iklan makanan segera bukan penyelesaian mutlak kepada masalah diperkatakan.

Jika kita perhatikan, walaupun iklan rokok dan tembakau tidak dibenarkan, setiap tahun bilangan perokok baru terus bertambah.

Justeru, jika Kementerian Kesihatan benar-benar mahu memastikan rakyat negara ini memakan makanan berkhasiat, apa yang perlu dilakukan ialah menetapkan syarat serta peraturan mengenai kandungan makanan segera dijual di pasaran atau yang dihidangkan di restoran makanan sedemikian.

Selepas adanya peraturan, pastikan ia dikuatkuasakan dengan tegas menerusi pemantauan kerap.

Kita tidak boleh menafikan industri makanan segera juga sudah memberikan sumbangan besar kepada menyelesaikan masalah corak kehidupan masa kini.

Satu lagi perkara yang perlu dilihat sebelum memutuskan pengharaman iklan makanan segera ini ialah dari segi kesannya kepada ekonomi.

Pengharamannya sedikit sebanyak sudah tentu akan memberikan kesan kepada industri pengeluaran makanan.

Tahun lalu saja jualan industri pengilangan makanan adalah bernilai RM10.4 bilion, sama dengan hampir lima peratus nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Ia belum mengambil kira nilai jualan industri lain yang berkaitan dengannya.

Sebagai contohnya, sebuah daripada syarikat pengendali restoran makanan segera utama di negara ini, mempunyai nilai jualan hampir RM1.5 bilion tahun lalu dengan menggajikan lebih 20,000 pekerja. Justeru, jika industri ini terjejas ia akan memberikan kesan kepada banyak pihak.

Seperkara lagi yang perlu dilihat ialah langkah mengharamkan iklan makanan segera ini bakal mewujudkan keadaan yang mana hanya beberapa pihak saja yang menguasai pasarannya kerana tanpa promosi sudah tentu begitu sukar bagi syarikat baru untuk menyertai industri itu.

Ini sudah tentu bakal menguntungkan syarikat makanan segera yang sudah mempunyai jenama kukuh di pasaran.